

## SIARAN MEDIA

### PEMBANGUNAN KAMPUNG BARU PULAU KETAM DILIHAT MAMPU MERANCAKKAN AKTIVITI EKONOMI SETEMPAT

---

**SELANGOR, 14 Julai 2023** – YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM), Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM1.01 juta kepada Pejabat Tanah dan Daerah Klang dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor bagi menaik taraf dan menyelenggara infrastruktur awam di Pulau Ketam, Selangor.

YB KM telah turun padang dalam siri lawatan kerja beliau sempena Program Sentuhan Kasih KPKT pagi ini bagi meninjau keperluan kemudahan awam serta infrastruktur di Kampung Bagan Pulau Ketam. Selain itu, YB KM turut membuat lawatan ke Balai Bomba Sukarela Pulau Ketam dan menghadiri Majlis Pelancaran Projek Pemasangan Lampu Jalan jenis solar LED di Kampung Baru tersebut.

Projek pemasangan lampu jalan jenis solar LED Kampung Baru ini merupakan salah satu program di bawah inisiatif bajet khas yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk tahun 2023. Jumlah kos keseluruhan pemasangan lampu tersebut adalah sebanyak RM9.018 juta melibatkan 1002 batang lampu solar LED di Kampung Baru Cina yang mengemukakan permohonan melalui Pegawai Kemajuan Perkampungan.

Dalam lawatan kerja tersebut, YB KM telah mengumumkan peruntukan yang melibatkan projek-projek seperti berikut;

- i. Kerja-kerja membaik pulih laluan 'catway' konkrit dan kerja-kerja berkaitan di Tapak Pembuangan Sisa Pepejal Bagan Pulau Ketam;
- ii. Kerja-kerja meroboh 'catwalk' kayu serta pembinaan 'catwalk' konkrit baharu dan lain-lain kerja berkaitan di Sungai Satu Bagan Pulau Ketam; dan
- iii. Projek baik pulih dan naik taraf jambatan utama ke seberang sungai dan Bagan Teow Chew.

Menurut YB KM, “Kerajaan Persekutuan yakin ‘sentuhan kasih KPKT’ yang telah diberikan adalah berdasarkan keperluan menerusi inisiatif KPKT dalam memastikan keselesaan dan kesejahteraan penduduk Kampung Bagan, Pulau Ketam, Selangor. Ia merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Tambah beliau, “Keseluruhan peruntukan naik taraf kemudahan awam dan infrastruktur ini merupakan “*performance-based budget*” atau peruntukan berlandaskan pelaksanaan bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT terhadap kesejahteraan rakyat dapat terus dipertingkatkan.”

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru; YBrs. Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; Dato' Mohd Fadzli Bin Mohd Kenali, Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan serta Pengurusan Tertinggi KPKT dan ketua jabatan peringkat negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) akan sentiasa bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Malaysia bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

**#MalaysiaMADANI**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertiwi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

